

MAHATHIR - LUAR NEGERI

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 1100 PAGI.)

1982

KUALA LUMPUR, 10 SEPT. (BERNAMA)--MALAYSIA PERLU MENGUBAHSUAIKAN PENDEKATANNYA TERHADAP HUBUNGAN DENGAN NEGARA-NEGARA ASING, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

MEMANDANGKAN KEPADA PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG BERLAKU DI DUNIA, NEGARA PERLU MENENTUKAN KEUTAMAANYA SEPERTI JUGA NEGARA-NEGARA LAIN MENENTUKAN KEUTAMAAN MASING-MASING DARI MASA KE SEMASA, KATA PERDANA MENTERI.

DALAM UCAPAN DASAR SEBAGAI PRESIDEN DI PERHIMPUNAN AGUNG KE-33 UMNO DI SINI, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA NEGARA KINI TIDAK LAGI BERGANTUNG SEPENUHNYA KEPADA KEKUATAN DAN PERTOLONGAN NEGARA-NEGARA KOMANWEL SEHINGGA SEBAHAGIAN BESAR PERDAGANGANNYA BUKAN DENGAN NEGARA-NEGARA KOMENWEL.

MALAYSIA TIDAK LAGI BERGANTUNG KEPADA TIMAH DAN GETAH SEBALIKNYA TELAH MENJADI PENGELUAR MINYAK SAWIT, PETROLEUM, BALAK DAN BARANG-BARANG BUATAN SEMENTARA EKONOMI NEGARA INI TIDAK LAGI DIKONGKONG SEPENUHNYA OLEH ORANG ASING ATAU SESUATU KAUM.

KOMENWEL TELAH DIBELAKANGKAN SENDIRI OLEH PENGASASNYA, BRITAIN, DENGAN PENYERTAANNYA DALAM KESATUAN EKONOMI EROPAH, KATA BELIAU.

DALAM PERUBAHAN LAIN DI DUNIA, ASEAN DITUBUHKAN, AMERIKA SYARIKAT KALAH DI VIETNAM DAN REPUBLIK RAKYAT CHINA PULA MEMBUKA PINTUNYA KEPADA DUNIA LUAR. --LAGI 0910/MD  
B503

MAHATHIR-LUAR NEGERI 2 KUALA LUMPUR

MEMANDANG KEPADA PERUBAHAN-PERUBAHAN TERSEBUT, MALAYSIA PERLU MENGUBAHSUAIKAN PENDEKATANNYA DALAM HUBUNGAN LUAR DENGAN MEMBERI KEUTAMAAN TERTINGGI KEPADA PERHUBUNGAN DENGAN NEGARA-NEGARA ASEAN.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA ASEAN MEMPUYAI PERANAN PENTING DALAM MENSTABILKAN KADAAN DI ASIA TENGGARA DAN DALAM KONTEKS SERANTAU INI, MELALUI ASEAN, MALAYSIA DAPAT BERUSAHA Mencari PENYELESAIAN TERHADAP MASALAH KAMPUCHEA.

+WALAU APAPUN TERJADI KITA TIDAK AKAN MENERIMAA TINDAKAN SESEBUAH NEGARA JIRAN MELANGGAR NEGARA TETANGGA UNTUK MENDIRIKAN KERAJAAN BONEKA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBAGAI SEBUAH NEGARA ISLAM MALAYSIA MELETAKKAN KEUTAMAAN KEDUA DALAM HUBUNGANNYA DENGAN NEGARA-NEGARA ISLAM.

BELIAU SEDAR TENTANG PERPECAHAN YANG BERLAKU DALAM DUNIA ISLAM SENDIRI TETAPI SIKAP MALAYSIA IALAH TIDAK MEMIHAK KEPADA SESIAPA PUN DAN JIKA PERLU IA BERSEEDIA MENJADI ORANG TENGAH ATAU PENDAMAI.

SEBUAI DENGAN SIKAP BERKECUALI ITU, MALAYSIA AKAN TERUS MEMAINKAN PERANANNYA DALAM GERAKAN BERKECUALI YANG MERUPAKAN KEUTAMAAN KETIGA DALAM DASAR LUAR NEGARA.

MENGENAI PERGERAKAN KOMANWEL PULA, BELIAU BERKATA MESKIPUN PERGERAKAN ITU KINI +HIDUP SEGAN+ TETAPI MALAYSIA TETAP AKAN MEMAINKAN PERANANNYA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA-NEGARA KECIL. --LAGI 0915/MD

MAHATHIR-LUAR NEGERI 3 KUALA LUMPUR

OLEH YANG DEMIKIAN BELIAU AKAN MENGHADIRI SIDANG WILAYAH KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGRM) YANG AKAN BERLANGSUNG DI FIJI, BULAN DEPAN MEMANDANGKAN RAMAI KETUA-KETUA KERAJAAN NEGARA-NEGARA KECIL AKAN HADIR.

SEMENTARA ITU HUBUNGAN DUA-HALA AKAN TERUS DIPERGIAT KERANA BANYAK MASALAH BOLEH DISELESAIKAN MELALUI RUNDINGAN DUA HALA DARIPADA BERBAGAI HALA.

HUBUNGAN DUA HALA UNTUK PROJEK-PROJEK TERTENTU JUGA AKAN DITERUSKAN SEPERTI HUBUNGAN DENGAN MALI DI AFRIKA DAN BEBARAPA NEGARA LAIN DI PASIFIK.

BELIAU MENEGASKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL BUKAN SAJA TERHAD KEPADA MASALAH DALAM NEGERI TETAPI JUGA MELIBATKAN HUBUNGAN ANTARABANGSA.

MENYENTUH SOAL PEMBENTUKAN ORDER BARU EKONOMI DUNIA, BELIAU BERKATA MALAYSIA MENAWARKAN KONSEP DASAR EKONOMI BARUNYA YANG BERTUJUAN MENGIMBANGI PENDAPATAN DAN MEMBASMI KEMISKINAN.

MENGULAS DASAR PANDANG KE TIMUR KERAJAAN, PERDANA MENTERI BERKATA KAJIAN INI PERLU DIBUAT UNTUK MENENTUKAN APA YANG DAPAT DITERIMA DAN DIAMALKAN DARI TIMUR DAN APA YANG HENDAK DITINGGALKAN DARI BARAT. --LAGI 0920/MD

B505

MAHATHIR - LUAR NEGERI 4 KUALA LUMPUR

BARAT TIDAK LAGI BOLEH MENJADI CONTOH SEPENUHNYA KERANA SEJAK PENYERAPAN NILAI BARAT, KERAJINAN SUDAH DIPANDANG RENDAH DAN DIHINA TERUTAMA OLEH GENERASI MUDA, KATA BELIAU.

MEMANDANG KE TIMUR JUGA BERMAKNA MELIHAT DIRI SENDIRI DENGAN MEMUPUK NILAI-NILAI BAIK DAN MENGIKISKAN SEGALA SIFAT YANG TIDAK BERMENAFAT, UJARNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA DALAM PENYERAPAN SIFAT KERAJINAN DAN KETERTIBAN SERTA KETEKUNAN KERJA DAN KECEKAPAN PENGURUSAN DARI NEGARA-NAGARA TIMUR SEPERTI JEPUN DAN KOREA, NILAI-NILAI YANG BERTENTANGAN DENGAN ISLAM TETAP AKAN DIJAUHKAN.

YANG AKAN DISERAPKAN IALAH NILAI-NILAI YANG DIPANDANG TINGGI DAN DITUNTUT OLEH AGAMA, TAMBAH BELIAU. --BERNAMA 0923/MD